# YB. YEOH SOON HIN OFFICE

PENANG STATE EXECUTIVE COUNCILLOR (EXCO)
TOURISM AND CREATIVE ECONOMY

PETACE
Penang State EXCO Office for Tourism And Creative Economy


Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : PSUKPP.MMK.10/039 Jld.2 (85) PT
Tarikh : 29 Mac 2021

**Dato' Ar. Yew Tung Seang,**
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Pulau Pinang
Paras 17 KOMTAR
10675 **PULAU PINANG**.

Datuk Bandar,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK MENGHIASKAN KEJIRANAN FARLIM DENGAN SENI LUKIS JALANAN**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara diatas.

2. Pejabat MMK Pelancongan dan Ekonomi Kreatif (PETACÉ) melalui agensi kerajaan, Penang Global Tourism (PGT) dan Can Can Public Art (CCPA) ingin menghidupkan kawasan kejiranan Farlim di Paya Terubong melalui seni lukis jalanan dan mentransformasikan kawasan tersebut menjadi tempat tarikan serta menjana aktiviti ekonomi penduduk setempat.

3. Beberapa kawasan kejiranan Farlim telahpun dikenalpasti untuk melaksanakan projek tersebut, antaranya termasuk:

**Kawasan di bawah pengurusan MBPP**

i. Tangga laluan pejalan kaki di **Jalan Medan Angsana 1** berdekatan dengan Padang Pasar Malam Farlim
ii. Taman permainan kanak-kanak di **Jalan Medan Angsana 1** berdekatan dengan Padang Pasar Malam Farlim
iii. Saliran air MBPP di **Jalan Angsana** berdekatan kedai Pusat Kecantikan Wei Wei
iv. Laluan pejalan kaki dari **simpang Jalan Medan Angsana ke Jalan Angsana** berdekatan dengan Kafe Sheng Yuen
v. Kotak suis di dalam **Kompleks Makanan Medan Angsana**
vi. Dinding kuning di dalam **Kompleks Makanan Medan Angsana**

../2

PSUKPP.MMK.10/039 Jld.2 (15) PT

**Kawasan dibawah pengurusan pihak ketiga**

i. Pondok telefon di **Jalan Medan Angsana 1** berdekatan dengan Padang Pasar Malam Farlim (Telekom Malaysia)
ii. Pondok telefon di **Jalan Angsana** berdekatan dengan Farmasi Bagan Jalan Angsana (Telekom Malaysia)
iii. 'Feeder pillar' di **Jalan Medan Angsana 1** berdekatan dengan Gimnasium 'Grand Fitness' Farlim (TNB)
iv. 'Feeder pillar' di **Jalan Angsana** berdekatan dengan 7-Eleven (TNB)

Gambaran lokasi, konsep dan saiz seni lukisan jalanan adalah seperti yang dilampirkan.

4. Sehubungan itu, pejabat PETACE ingin memohon jasa baik pihak Datuk Bandar untuk memberi kebenaran kepada PGT untuk melaksanakan projek tersebut.

5. Segala kerjasama dan pertimbangan pihak Datuk Bandar dalam membenarkan projek ini dijalankan didahului dengan ucapan terima kasih. Sekiranya pihak Datuk Bandar mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, sila menghubungi Cik Sarah di talian **04-264 3456** atau **sarah@penangglobaltourism.com**.

Sekian.

**'CEKAP, AKAUNTIBILITI, TELUS'**

Yang benar,

**(YEOH SOON HIN)**
Ahli Majlis Mesyuarat (EXCO) Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Jawatankuasa Pelancongan dan Ekonomi Kreatif (PETACE)
merangkap ADUN Paya Terubong

s.k: **Cik. Tan Soo Siang**
Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang

**LAMPIRAN**

**Gambaran lokasi, konsep dan saiz seni lukisan jalanan adalah seperti berikut:**

i. **Tangga laluan pejalan kaki di Jalan Medan Angsana 1 berdekatan dengan Padang Pasar Malam Farlim**









ii. **Taman permainan kanak-kanak di Jalan Medan Angsana 1 berdekatan dengan Padang Pasar Malam Farlim**







iii. **Saliran air MBPP di Jalan Angsana berdekatan kedai Pusat Kecantikan Wei Wei**








iv. **Laluan pejalan kaki dari simpang Jalan Medan Angsana ke Jalan Angsana berdekatan dengan Kafe Sheng Yuen**






v. **Kotak suis di dalam Kompleks Makanan Medan Angsana**








vi. **Dinding kuning di dalam Kompleks Makanan Medan Angsana**



63”

92”






vii. **Pondok telefon di Jalan Medan Angsana 1 berdekatan dengan Padang Pasar Malam Farlim (Telekom Malaysia)**



27”

39







viii. **Pondok telefon di Jalan Angsana berdekatan dengan Farmasi Bagan Jalan Angsana (Telekom Malaysia)**









ix. ‘Feeder pillar’ di Jalan Medan Angsana 1 berdekatan dengan Gimnasium ‘Grand Fitness’ Farlim (TNB)








x. **'Feeder pillar' di Jalan Angsana berdekatan dengan 7-Eleven (TNB)**









***Sila ambil maklum bahawa gambar- gambar diatas adalah hanya ilustrasi sahaja dan bukan dalam skala sebenar.*